

# 7 beradik hilang tempat bergantung

**P**ASIR MAS: Tujuh anak Penolong Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK), Anidah Mohamed yang maut bersama tiga kakitangannya dalam nahas di Gua Musang petang kelmarin, menerima hakikat mereka perlu meneruskan kehidupan sebagai yatim piatu.

Anak sulungnya, Shaika Hanim Shakri, 29, berkata kematian ibu mereka kehilangan paling besar selepas bapa mereka, Shakri Salleh meninggal akibat serangan jantung dua tahun lalu.

"Sejak kematian ayah, mama bekerja keras menyara keluarga. Segala-galanya memang amat menyedihkan. Apatah lagi mengenangkan ibu bersama kakitangan se-



**“Sejak kematian ayah, mama bekerja keras menyara keluarga”**

**Shaika Hanim**  
Anak mangsa nahas

pejabatnya meninggal akibat kemalangan itu.

"Kami kehilangan ibu yang selama ini menjadi tempat menumpang kasih selepas ketiadaan bapa," katanya ketika ditemui di rumah nenek mereka di Kampung Padang Embong, Kutan Hulu dekat sini, semalam.

Shaika Hanim yang melangsungkan perkahwinan setahun lalu, berkata beliau bersama suaminya, Ruslan Rahim, 30, perlu mengambil alih tanggungjawab menjaga adiknya kerana tiga lagi adik berusia antara 10 hingga 19 tahun masih belajar.

"Mama bekerja keras menyara kami tujuh beradik hingga empat berjaya ke universiti. Kali terakhir, kami sempat bersarapan dengan

mama di Taman Titiwangsa, Kuala Lumpur sebelum dia bertolak balik ke Kota Bharu," katanya.

Anak kedua mangsa, Shazila Hanim, 26, yang bertugas di sebuah bank di Kuala Lumpur, berkata ibu mereka ke ibu kota bersama dua adiknya iaitu Mohd Amar, 13, dan adik bongsunya, Shasha Hanim 10, kerana menghadiri mesyuarat.

"Sebelum bertolak balik ke Kota Bharu, dua adik saya itu mahu mengikut mama, tetapi saya minta mereka tunggu untuk pulang bersama saya ketika cuti Aidiladha.

"Kali terakhir saya bertemu mama pagi Ahad sebelum dia bertolak pulang ke Kota Bharu bersama tiga lagi rakan sepejabatnya," katanya.